



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

METAFORA DALAM LIRIK LAGU MANTERA BERADU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

Zuhairi Zainudin¹, Julaina Nopiah^{1*}

¹Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**E-mel pengarang koresponden: julainanopiah@iium.edu.my*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan ungkapan metafora yang terkandung dalam lirik lagu Mantera Beradu karya Malique Ibrahim. Metafora merupakan bahasa kiasan yang disandarkan dengan sesuatu perkataan yang menghasilkan makna tersirat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ungkapan metafora dalam lirik lagu Mantera Beradu dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (S.I) dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dan memilih lima ungkapan metafora dalam lirik lagu ini. Hasil kajian menunjukkan ungkapan ‘awan mendung yang berarak’ merujuk kepada metafora yang berkaitan perasaan sedih. Ungkapan ‘ijazah terbaik datangnya dari janaan’ pula membawa makna metafora pengalaman. Ungkapan ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’ pula membawa makna usaha dan diikuti ungkapan ‘muka sama hijau hati siapa tahu’ yang bermaksud sifat berpura-pura. Akhir sekali, ungkapan ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’ yang bermaksud mengekalkan identiti diri. Setiap ungkapan metafora yang dipilih mempunyai makna yang tersirat dan berunsurkan pengajaran yang disandarkan mengikut akal budi, falsafah budaya, agama dan masyarakat dalam lirik lagu tersebut.

Kata kunci: Metafora, lirik lagu, Semantik Inkuisitif, Rangka Rujuk Silang

PENGENALAN

Kepelbagaian dan keunikan masyarakat dunia dipengaruhi oleh bahasa kerana identiti yang dibentuk dalam setiap bahasa itu melambangkan jiwa bangsa. Takrifan bahasa menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) ialah sebuah sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam kelompok manusia untuk melahirkan perasaan melalui kognitif. Bagi bahasa Melayu, metafora merupakan salah satu kaedah penyampaian yang sering digunakan oleh masyarakat pada masa dahulu. Menurut Hassan Ahmad dalam bukunya yang berjudul Metafora

Melayu (2003), beliau menyatakan bahawa metafora bukan hanya sekadar bunga-bunga bahasa yang bermaksud membawa keindahan dalam bahasa semata, namun ia membawa makna kognitif dalam penyampaiannya. Melalui penerapan akal budi dalam metafora melayu yang menggambarkan cerminan atau bayangan perbuatan, pemikiran dan sikap seseorang yang mempunyai kebijaksanaan dan keindahan dalam jiwanya (Norazimah Zakaria, 2017).

Penggunaan gaya bahasa sastera seperti metafora, anafora, asonansi, personifikasi dan lain-lain mempengaruhi keunikan lagu yang dihasilkan kerana wujudnya unsur estetika iaitu keindahan, kecantikan dan kesempurnaan. Kajian ini juga akan melihat lirik lagu Mantera Beradu yang dihasilkan oleh Malique Ibrahim mempunyai latar belakang dalam bidang sastera dan banyak menggunakan metafora dalam penulisan lagu-lagu beliau. Penciptaan metafora dalam lirik lagu Mantera Beradu ini dapat dihuraikan melalui proses analisis Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014) untuk mencari makna sebenar metafora yang dikaji. Pada masa kini, pemahaman tentang metafora dalam lirik lagu dilihat semakin berkurangan kerana pendengar tidak mahu menghayati bait-bait ayat dalam penulisan lirik lagu yang semakin cacamarba. Akibat daripada isu ini, pengajaran yang terkandung dalam lirik lagu itu tidak sampai kepada pendengar untuk diambil iktibar dan pedoman terutamanya lagu-lagu yang banyak menggunakan metafora seperti lagu Mantera Beradu ini. Permasalahan ini disokong oleh Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin dalam kajian yang bertajuk Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu Hidup Dalam Mati: Analisis Semantik Inkuisitif (2019) menyatakan bahawa penyampaian lagu yang sempurna dan berhasil adalah melalui pemahaman pendengar dalam mentafsirkan lirik lagu tersebut. Selain itu, stigma negatif masyarakat terhadap genre rap yang sering membawa lirik berunsurkan keganasan seperti makian dan carutan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengaruh budaya dalam genre rap itu sendiri lahir daripada budaya masyarakat kulit gelap Amerika yang kebanyakannya terlibat dengan kongsi gelap. Namun begitu, genre rap yang dibawa oleh Malique Ibrahim banyak mengandungi metafora yang membawa maksud tersirat dan mementingkan ketepatan dalam penggunaan perkataan.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis ungkapan metafora dalam lirik lagu Mantera Beradu dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Kepentingan kajian ini ialah untuk membuka minda masyarakat sekarang bagi memahami metafora melayu yang unik dan indah. Di samping menggunakannya dalam komunikasi harian yang akan melahirkan komuniti yang memartabatkan bahasa Melayu. Pendekatan Semantik Inkuisitif juga akan memberikan satu perspektif tentang kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam berbahasa kerana penerapan makna yang abstrak dalam penggunaan harian. Kajian ini dibataskan dengan hanya memilih lima ungkapan yang ada dalam lirik lagu Mantera Beradu sebagai bahan analisis data.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggariskan dua objektif utama iaitu:

1. Mengetahui ungkapan metafora yang terkandung dalam lirik lagu Mantera Beradu.
2. Menganalisis ungkapan metafora dalam lirik lagu Mantera Beradu dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

KAJIAN METAFORA SECARA UMUM

Kajian pertama ialah kajian yang dijalankan oleh Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin yang bertajuk Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis semantik Inkuisitif (2022). Kajian ini membincangkan metafora objek galah dan kemudi dalam pantun Melayu dan menganalisisnya dengan teori semantik inkuisitif. Hasil dapatan menunjukkan bahawa metafora maritim yang paling dominan dalam pantun Melayu adalah kemudi iaitu

sebanyak 36 dan galah 23 bilangan. Metafora galah dan kemudi membawa maksud yang sama iaitu haluan. Perkara ini dijelaskan lagi pada tahap ketiga Teori Relevans iaitu melalui proses penyempitan. Pengkaji melihat beberapa rangkap pantun yang menggunakan objek galah dan kemudi kebanyakannya ialah pantun percintaan atau kasih sayang. Selain itu, metafora kemudi dan galah juga mempunyai fizikal yang boleh digunakan untuk mengubah haluan dalam sektor maritim seperti menukar arah pelayaran atau haluan. Justeru itu, dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu bijak mengaitkan objek penting dalam sektor maritim iaitu kemudi dan galah untuk dijadikan sebagai metafora yang membawa makna konkrit haluan dalam percintaan dan kasih sayang dan bukan hanya penyedap rima sahaja.

Kajian seterusnya berbeza dengan kajian pertama daripada sudut bahan kajian kerana kajian yang bertajuk Analisis Metafora pada Lirik “Senandung Malam Berinai” Tradisi Suku Melayu Percut Sei Tuan (2023) yang ditulis oleh Nurbaiti Hutagalung dan Mara Untung Ritonga membahaskan tentang alunan Senandung Malam Berinai yang dilakukan secara tradisi oleh suku kaum Melayu Percut Sei Tuan yang banyak menggunakan metafora dalam lirik lagu kerana ia diklasifikasikan sebagai syair yang banyak menggunakan bahasa kiasan dalam menyampaikan luahan perasaan, pemikiran dan penilaian terhadap sesuatu perkara. Hasil kajian mendapati bahawa metafora yang ada dalam lirik Senandung Malam Berinai ini lebih tertumpu kepada mempertahankan budaya lokal iaitu sebagai hubungan lisan yang akan menguatkan ikatan batin dalam masyarakat. Dapat dilihat bahawa kajian ini tidak lengkap analisisnya kerana makna abstrak daripada lirik lagu tersebut tidak diuraikan mengikut teori semantik kognitif seperti yang telah dinyatakan. Oleh itu, kajian ini mempunyai kelompongan pada bahagian analisis makna kerana metafora yang dinyatakan tidak mencapai tahap konkrit yang sepatutnya apabila menggunakan teori semantik.

Kajian akhir yang bertajuk Metafora Tangan: Analisis Semantik Kognitif (2023) oleh Delma Lestari, Anisa Putri, Julia Permata Sari dan Hermendra hampir sama dengan kajian yang ketiga kerana ia menganalisis makna anggota badan iaitu tangan. Terdapat banyak persamaan terutamanya metafora antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia terutamanya di kawasan Sumatera yang mempunyai masyarakat Melayu Riau. Kesemua dapatan metafora tangan ini dianalisis secara kognitif dan makna yang dihasilkan juga menunjukkan persamaan dengan metafora tangan yang terkandung dalam bahasa Melayu. Misalnya metafora tangan yang telah dianalisis dan mencapai makna yang sama iaitu seseorang yang suka mencuri. Justeru itu, kajian ini hanya mencapai makna daripada sudut kognitif sahaja bertepatan dengan metod yang digunakan oleh pengkaji.

KAJIAN METAFORA DALAM LIRIK LAGU

Kajian pertama adalah kajian yang dilakukan oleh Dhea Salsabila yang bertajuk Metafora Lirik Lagu Banda Neira “Sampai Jadi Debu”: Kajian Semantik Kognitif (2023). Kemudian, data dianalisis menggunakan teori semantik kognitif untuk mencapai makna yang relevan bagi setiap metafora yang terkandung dalam lirik lagu Sampai Jadi Debu. Hasil dapatan pengkaji mengemukakan enam metafora dalam lirik lagu iaitu Badai Tuan telah berlalu, salahkan ku menuntut mesra, tiap pagi menjelang kau di sampingku, sampai jadi debu, ku di liang yang satu dan tiap taufan menyerang. Kesemua metafora yang dihasilkan ini membawa makna tentang pahit manis percintaan kerana makna kognitif yang terhasil seperti metafora “Badai Tuah yang berlalu” yang membawa definisi kognitifnya ialah pasangan yang berjaya melewati segala cabaran dalam percintaan bersama-sama. Oleh itu, penggunaan metafora dalam lirik lagu Banda Neira “Sampai Jadi Debu” bukan sahaja untuk kiasan semata-mata namun akan menambahkan lagi nilai estetika dalam seni lagu tersebut.

Kajian seterusnya bertajuk Analisis Makna Metafora Pada Lirik Lagu Nadin Amizah “Sorak Sorai” (2023) oleh Nurashri Shafary menggunakan teori yang sama dengan kajian iaitu

semantik kognitif. Metodologi bagi kajian ini ialah kaedah kualitatif deskriptif iaitu data yang dicari dan dianalisis bersumberkan sepenuhnya melalui lirik lagu Sorak Sorai. Terdapat 16 data dalam lirik lagu Sorak Sorai dan dibahagikan mengikut beberapa jenis metafora iaitu metafora antropomorfik, metafora konkrit ke abstrak dan metafora sinestesia. Namun begitu, penggunaan analisis makna melalui teori semantik tidak begitu jelas kerana pengkaji hanya membuat kesimpulan daripada sudut kognitif sahaja. Justeru itu, kajian ini perlu menerapkan analisis teori semantik inkuisitif yang lebih lengkap supaya makna yang dianalisis bukan hanya andaian daripada pengkaji semata.

Kaedah kualitatif deskriptif juga digunakan dalam kajian ketiga oleh Suci Namira dan Tepu Sitepu bertajuk Analisis Ungkapan Gaya Bahasa Metafora dalam Lirik Lagu pada Album Inti Bumi karya Rasukma (2022). Pengkaji juga menggunakan Teori Metafora Michael C. Halley yang menerapkan beberapa bentuk metafora seperti metafora keadaan, substansi, permukaan bumi, benda, kehidupan, haiwan dan manusia. Data dianalisis hingga mencapai makna 19 kognitif seperti metafora haiwan “membabi buta membuka matanya” membawa makna seseorang yang melakukan sesuatu secara nekad. Perkara ini sama dengan metafora masyarakat Melayu iaitu “membabi buta” yang bermaksud seseorang melakukan sesuatu tanpa berfikir. Metafora “babi” diambil daripada sifatnya yang liar, ganas dan akan mengejar manusia atau mangsa secara meluru dan sifat “buta” pula tidak dapat melihat itu diertikan sebagai meluru atau terburu-buru. Oleh itu, pengkaji hanya mencapai makna kognitif dan tidak mencapai tahap akal budi iaitu analisis tentang sifat metafora tersebut sebelum dilampirkan maknanya.

KAJIAN SEMANTIK DALAM LIRIK LAGU

Kajian oleh Aliaa Wan Mohd Muzani dan Nurul Jamilah Rosly yang berjudul Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu Nyanyian Dato’ Sri Siti Nurhaliza: Analisis Semantik Inkuisitif (2021). Hasil dapatan dalam lagu Jaga Dia Untukku dan Seluruh Cinta menjumpai empat bahasa kiasan iaitu “waktu tak bicara, terbangkan diriku, kau bagaikan nafas ditubuhku dan habis separuh nyawa ku tangisi mu” lalu dianalisis menggunakan Teori Semantik Inkuisitif. Dapatan data “kau bagaikan nafas ditubuhku” dianalisis melalui tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif melalui kaedah Rangka Rujuk Silang yang membawa makna peringatan terhadap mati kerana nikmat udara yang dihirup itu boleh ditarik pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu, bahasa kiasan yang dijumpai dalam lirik lagu Dato’ Sri Siti Nurhaliza banyak membawa kepada nasihat dan peringatan walaupun kategori lagu yang dinyanyikan itu berunsurkan kontemporari dan perhubungan.

Kajian seterusnya bertajuk Bahasa Kiasan dalam Lagu “Mati Hidup Semula”: Analisis Semantik Inkuisitif (2019) oleh Wong Shia Ho dan Nor Hashimah Jalaluddin. Kajian ini bertujuan menghuraikan makna dan akal budi Melayu yang terkandung dalam lirik lagu Mati Hidup Semula nyanyian Jamal Abdillah. Hasil dapatan menemui dua data yang membawa bahasa kiasan “hidup” dan “mati” iaitu “Dulu hidup kurasakan mati” dan “Setelah mati kuhidup semula” yang dianalisis secara tiga tahap iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif yang melihat akal budi masyarakat Melayu dalam lirik lagu tersebut. Kedua-dua leksikal ini membawa maksud seseorang harus menghindari perbuatan buruk supaya ia tidak menyesal di kemudian hari kerana leksikal “hidup” dan “mati” membawa kiasan nasihat tentang peluang yang perlu digunakan oleh seseorang sebelum ia terlambat dan menyesal. Justeru itu, takrifan ini memberi gambaran yang jelas bahawa leksikal antonim boleh disatukan dan membawa kepada satu maksud melalui proses semantik inkuisitif yang melihat kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menyusun kata.

Akhir sekali ialah kajian Hasmira binti Kasim yang bertajuk Makna Perlambangan dalam Lagu Cindai: Satu Analisis Teori Relevans (2020) yang menggunakan pendekatan yang berbeza daripada semua iaitu Teori Relevans. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif deskriptif iaitu mengenal pasti leksikal kata nama dalam lirik lagu Cindai dan menganalisis menggunakan

Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil dapatan menunjukkan terdapat 49 leksikal kata nama dalam lirik lagu Cindai dan pengkaji memilih beberapa leksikal kata nama yang memiliki makna perlambangan untuk dianalisis dengan lebih lanjut. Leksikal Cindai telah dipilih kerana ia merupakan kata nama yang membawa makna jenis kain sutera dan ia sering dikaitkan dengan kisah seram iaitu pontianak. Namun begitu, setelah dianalisis menggunakan Teori Relevans dengan menggunakan data korpus sebagai rujukan, pengkaji menyatakan bahawa takrifan sebenar Cindai melambangkan seseorang gadis yang merasakan dirinya sudah mati akibat daripada kekecewaan yang dialaminya. Oleh itu, kajian sebegini amat penting kerana dapat menyangkal persepsi negatif yang hadir daripada pendengar yang mentafsirkan leksikal kata nama seperti Cindai itu dengan sesuka hati mereka sahaja.

PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang bersifat kualitatif deskriptif yang telah diaplikasikan bagi mendapatkan data berkaitan dengan metafora dalam lirik lagu Mantera Beradu. Menerusi kaedah ini, penggunaan bahan-bahan bercetak dan bahan elektronik seperti buku-buku, jurnal dan laman sesawang akan dijadikan sumber oleh pengkaji. Antara buku yang digunakan oleh pengkaji bagi memahami konsep metafora ialah tulisan Hassan Ahmad (2003) yang bertajuk *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Pengkaji akan menjalankan penelitian melalui kaedah analisis teks dalam lirik lagu Mantera Beradu. Data kajian akan dianalisis menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif Rangka Rujuk Silang (RRS).

Tahap 1 (Semantik Skrip)

Data dan makna harfiah	Makna secara dasar
------------------------	--------------------



Tahap 2 (Semantik Resonans)

Data dan teori dengan pemikiran (kognitif)	Maklumat kognitif dikaji dan dikaitkan dengan falsafah (Rangka Rujuk Silang)
--	--



Tahap 3 (Semantik Inkuisitif)

Falsah dan akal budi	Menyerlahkan akal budi Melayu dalam metafora
----------------------	--

Rajah 1: Rajah Semantik Inkuisitif

ANALISIS UNGKAPAN METAFORA

Setelah mengenal pasti ungkapan metafora yang hadir dalam lirik lagu Mantera Beradu, hanya lima metafora iaitu ‘awan mendung yang berarak’, ‘ijazah terbaik datangnye dari jalanan’, ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’, ‘muka sama hijau hati siapa tahu’ dan ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’ dipilih bagi tujuan penganalisisan data menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

DATA 1: Awan Mendung Yang Berarak

Tahap 1: Makna harfiah

Ungkapan	Maksud
Awan mendung yang berarak	Keadaan wap air yang bergumpal menunjukkan tanda-tanda untuk hujan dan bergerak secara beriringan dan berkelompok

Rajah 2: Makna ungkapan ‘awan mendung yang berarak’


Tahap 2: Makna Resonans

- i. Ungkapan, awan mendung yang berarak, kedinginan itu ditambah dengan mendung yang menjanjikan hujan, seolah-olah mengerti tentang warna suram yang melingkari jiwaku. Beberapa helai daun melayang ke muka jendela membawa bersama-sama perasaanku yang gundah gelana. Terasa sudah lama benar aku meninggalkan kampung halamanku demi tuntutan pencarian hidup di bumi milik orang lain.

(MUHAMMAD LUTFI ZAHID. *Dewan Budaya Ogos*. Umum, 2022)



- Membawa suasana sedih
- Bersifat menampung air
- Perhimpunan secara besar-besaran
- Bergerak secara perlahan



Rajah 3: Imej awan mendung & perarakan
Sumber Imej: Imej Google

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk memfokuskan metafora ‘awan mendung yang berarak’ yang membawa maksud perasaan sedih yang berpanjangan. Hasil data korpus banyak menunjukkan bahawa awan mendung membawa makna perasaan yang hiba tetapi tidak menangis sama seperti awan mendung yang hanya mengandungi air tetapi tidak menurunkan hujan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Menurut Fadil (2015), awan yang berwarna kelabu dan suram diklasifikasikan sebagai awan rendah kerana kandungan air dalam awan tersebut tinggi dan kebarangkalian untuk hujan itu tinggi. Dikatakan juga awan *Cumulunimbus* merupakan awan yang paling digeruni kerana akan menyebabkan bencana seperti ribut yang teruk. Masyarakat Melayu sering mengaitkan perasaan sedih dengan awan mendung ini kerana kesan yang berlaku apabila jenis-jenis awan ini tiba di Malaysia terutamanya pada musim tengkujuh. Di samping itu, pengajaran yang perlu diambil bagi perkataan awan mendung yang berarak ini ialah sentiasa bersyukur. Dapat dilihat dalam data korpus bahawa awan mendung sering membawa makna tentang kesedihan dan kesuraman perasaan seperti kecewa dan berduka. Perkara ini selari dengan warna kelabu yang dikaitkan dengan perasaan atau suasana suram yang bukan sahaja menggambarkan perasaan sedih tetapi perasaan takut. Perkara ini telah disebutkan dalam al-Quran dalam surah al-Ahqaf ayat yang ke-24, iaitu:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُسْتَقْبِلَ أَوْدِيَّتِهِمْ قَالُوا هَذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۗ بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُمْ بِهِ ۗ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya:

Maka apabila mereka melihat azab itu sebagai awan yang menghala ke lembah-lembah mereka, mereka berkata: ‘Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kita’ (Mendengarkan kata-kata yang demikian, Nabi Hud berkata) : ‘Tidak! Bahkan itulah (azab) yang kamu minta disegerakan kedatangannya, iaitu angin yang membawa azab seksa tak terperi sakitnya.

Lanjutan daripada ayat al-Quran ini, dapat dirungkaikan bahawa falsafah yang dibawa dalam makna awan mendung bukan sahaja rezeki tetapi azab yang bakal menimpa hambaNya jika berdusta. Kesan buruk musim tengkujuh yang melanda Malaysia seperti banjir besar yang memusnahkan harta benda dan mengorbankan nyawa akan menimbulkan perasaan sedih dan pilu.

Selain itu, warna kelabu juga cukup sinonim dengan psikologi manusia bagi melambangkan seseorang itu sedang berduka dan sedih. Perkara ini dijelaskan oleh Aimi Atikah Roslan, Nurul Shima Taharuddin dan Nizar Nazrin (2022), iaitu personaliti individu yang cenderung memilih warna kelabu ini adalah untuk mengawal penderitaan emosi daripada berlarutan. Justeru itu, masyarakat Melayu menggambarkan bahawa kehadiran awan mendung yang berarak sebagai nilai dan sifat kesedihan berikutan dengan kesan yang berlaku apabila turunnya hujan lebat tanpa henti selepas itu.

DATA 2: Ijazah Terbaik Datangnya Dari Jalanan

Tahap 1: Makna Harfiah

Ungkapan	Maksud
Ijazah terbaik datangnya dari jalanan	Tahap pendidikan dalam bidang akademik dan jalan atau lorong

Rajah 4: Makna ungkapan ‘ijazah terbaik datangnya dari jalanan’


Tahap 2: Makna Resonans

Ungkapan *ijazah terbaik datangnya dari jalanan*, Azman juga seorang pemuda yang kaya dengan pengalaman hidup di sekitar pemuda jalanan yang hidup tidak menentu di kota-kota besar.

(Mohd Hanif Mat Nor. *Azman Hussein yang Ku Kenali*. Sastera dan Budaya, 2000)



- Tahap ilmu dalam akademik
- Melambangkan pendidikan
- Kepelbagaian manusia
- Banyak cerita dan pengalaman



Rajah 5: Imej sarjana muda & jalanan

Sumber Imej: Imej Google

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk memfokuskan ungkapan ‘Ijazah terbaik datangnya dari jalanan’ yang bermaksud ilmu yang bermanfaat boleh didapati di mana-mana sahaja. Berdasarkan data korpus dan gambar, makna ini terhasil kerana jalanan menyediakan pelbagai ragam manusia dan masyarakat yang ilmunya bervariasi. Ilmu ini yang dirujuk silang dengan ijazah kerana ilmu jalanan tidak dipraktikkan dalam institusi akademik.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Ijazah merupakan sebuah sijil atau surat yang diiktiraf oleh universiti untuk menunjukkan tahap pendidikan seseorang. Dalam data korpus, makna ijazah telah dirujuk silang menjadi ilmu kerana ia tidak lari daripada makna harfiah yang saling berkait antara pendidikan dan ilmu. Menurut Md Azhar Ali masalah utama yang menyumbang kepada persepsi buruk terhadap kolej teknik dan vokasional adalah sistem pendidikan negara yang lebih berfokuskan pendidikan akademik atau umum. Perkara ini menunjukkan bahawa pendidikan akademik ketika tahap sekolah menengah atas iaitu SPM dipandang serius oleh ibu bapa dan masyarakat bagi melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah sarjana muda. Pada masa yang sama, faktor pekerjaan selepas ijazah lebih mendapat permintaan dan gaji yang lebih tinggi. Justeru itu, ijazah yang dibawa dalam metafora lagu Mantera Beradu ini membawa maksud ilmu yang berkualiti yang terhasil dari jalanan. Menurut Nurul Hidayat Ab Rahman dan Salawati Mat Basir (2020), definisi jalanan terhasil daripada kanak-kanak jalanan yang bermaksud golongan kanak-kanak yang terasing daripada fitrah mereka yang sebenar akibat masalah keluarga atau gejala sosial yang melampau. Jalanan yang ditakrifkan dalam metafora lagu Malique ini bukanlah hanya tentang kanak-kanak jalanan bahkan menyentuh keseluruhan aspek yang terkandung di dalamnya. Jalanan pada dasarnya merupakan tempat berkumpulnya masyarakat kerana di situ mereka akan berjumpa untuk makan, minum, beramah-mesra dan sebagainya serta terdiri daripada pelbagai jenis latar belakang tidak kira usia, kaum, agama dan pekerjaan.

Islam juga menitikberatkan aspek menuntut ilmu sehingga ia menjadi sebuah jihad kepada umat Islam untuk keluar mencari ilmu yang bermanfaat. Hal ini dikatakan demikian kerana, ilmu yang bermanfaat akan digunakan dan diwarisi secara turun temurun walaupun seseorang yang menyampaikan ilmu tersebut telah meninggal dunia. Rasulullah S.A.W pernah bersabda:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya:

Apabila mati seseorang manusia terputuslah daripadanya amalannya kecuali tiga perkara, sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang soleh. (Riwayat Muslim 1631)

Dapat dilihat bahawa Islam menekankan tentang mencari ilmu pengetahuan dan tidak hanya membataskannya dalam pembelajaran di sekolah, madrasah atau pondok sahaja. Akan tetapi

selagi ilmu tersebut bermanfaat dan baik maka teruskanlah mendalami dan menyebarkannya. Wajib bagi umat Islam untuk mendalami semua jenis bidang bukan hanya tertakluk kepada bidang agama sahaja namun bidang-bidang lain seperti sains, matematik dan sebagainya supaya akan lahir generasi bijak pandai seperti Ibnu Sina dan Ibnu Batutah yang menjadi idola dalam bidang mereka masing-masing hingga ke masa kini. Justeru, apa yang diterapkan dalam metafora ‘ijazah terbaik datangnya dari jalanan’ bukanlah membawa maksud kepada sijil pendidikan itu adanya di jalanan, akan tetapi ilmu yang bermanfaat itu boleh didapati dan dipelajari daripada pelbagai tempat termasuk jalanan yang mempunyai pelbagai jenis ragam dan sifat manusia yang mempunyai pengalaman dan ilmu penting yang tiada di sekolah mahupun pendidikan tinggi.

DATA 3: Sebelum Jadi Naga Ikan Koi Renang-Renang

Tahap 1: Makna Harfiah

Ungkapan	Maksud
Sebelum jadi naga ikan koi renang-renang	Haiwan mitos naga lahir daripada ikan koi


Rajah 6: Makna ungkapan ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’

Tahap 2: Makna Resonans

Ungkapan sebelum jadi naga ikan koi renang-renang. Naga Kuna bersama-sama kucing putih dan kucing hitam berenang di Laut Mesir untuk mencari Caya Langkara yang dihanyutkan bersama-sama dengan daun kembang kuma-kuma dari puncak Bukit Mesir dan akhirnya berjaya menemui Caya Langkara. (b) Mangkubumi dan utusan Raja Mesir diberi layanan sebagai tetamu oleh Caya Langkara dan Raja Peringgi, (c) Naga Kuna berenang merentasi laut untuk membawa Caya Langkara dan Tuan Puteri Ra’na Kaseen pulang ke negeri Ajam.

(SHARIFAH ABD.RAHMAN, *ANTOLOGI SEUNTAI KASIH SECEBIS HARAPAN*.

Sastera, 2013)



- Hidupan akuatik
 - Mitodologi Feng Shui
 - Lambang kekayaan
- Lambang kekuasaan
 - Hidupan akuatik
 - Haiwan yang kuat

Usaha yang berpanjangan dan jitu akan membuahkan hasil

Rajah 7: Imej ikan koi & naga

Sumber Imej: Imej Google

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk memfokuskan ungkapan ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’ yang bermaksud usaha tangga kejayaan. Data korpus ini dirujuk silang dengan metodologi Feng Shui berkaitan ikan koi merupakan ikan yang rajin berusaha.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Falsafah yang terkandung dalam metafora ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’ ini ada dalam mitologi cina iaitu falsafah Feng Shui. Dalam kajian Ellen Johnston Laing yang bertajuk *Carp and Goldfish as Auspicious Symbols and their Representation in Chinese Popular Prints* (2017) menghuraikan tentang simbol yang berkaitan dengan ikan koi yang berubah menjadi naga. Dalam mitologi tersebut menceritakan bahawa, ikan koi yang bersifat tidak lasak mampu berenang ke hulu sungai yang mempunyai banyak air terjun dan ikan koi mustahil untuk berenang ke atas. Namun akibat daripada usaha yang tidak berbelah bagi, ikan koi mendapat anugerah menjadi naga yang menjadi simbol kekuasaan dan raja. Seperti legenda daripada masyarakat Melayu yang merujuk bahawa terdapat naga di Tasik Chini iaitu kawasan air tawar dan tasik bersifat sama seperti kolam kerana tiada arus dari hulu ke hilir. Persamaan ini dapat dilihat pada ikan koi kerana dibela di dalam kolam dan bukan di dalam akuarium seperti ikan perhiasan yang lain.

Selain itu, warna ikan koi juga dititik beratkan dalam masyarakat cina kerana jenis warna ikan koi akan membawa tuah atau lambang yang berbeza. Hal ini dijelaskan oleh Frazier (2020), ikan koi yang berwarna putih dan merah, perak dan emas bererti tuah yang akan membawa kepada kejayaan. Jika dilihat dalam masyarakat cina, mereka mempercayainya, namun kejayaan yang diinginkan itu harus selari dengan usaha keras. Kegigihan dan usaha ini selari dengan mitos ikan koi yang berenang ke hulu dan berjaya dikurniakan pangkat menjadi naga yang lebih dihormati dan digeruni. Selain itu, ciri-ciri yang ada pada ikan koi juga mirip dengan naga seperti sirip, misai dan warna ikan tersebut. Di samping itu, menurut Kamarul Azmi Jasmi (2020), berenang merupakan sebuah sukan yang bagus kerana ia melibatkan seluruh anggota badan dan membantu meningkatkan sistem kardiovaskular manusia. Berenang juga memerlukan proses yang panjang

dan perlu melakukannya dengan kerap supaya kemahiran dan teknik berenang itu tidak hilang. Jika dilihat daripada sudut kemahiran berenang, masa dan usaha yang diperuntukkan untuk belajar berenang ini sangat tinggi kerana memerlukan kekuatan fizikal dan mental. Perkara ini bertepatan dengan sebab perkataan ‘berenang’ itu digunakan selain daripada ciri-ciri yang ada pada ikan koi sebagai hidupan akuatik. Justeru itu, usaha dan ketekunan dalam belajar berenang menunjukkan bahawa metafora ‘sebelum jadi naga ikan koi renang-renang’ ini ialah usaha yang berlipat ganda dan secara berlanjutan.

DATA 4: Muka Sama Hijau Hati Siapa Tahu

Tahap 1: Makna Harfiah


Ungkapan	Maksud
Muka sama hijau hati siapa tahu	Bermaksud muka yang sama berwarna hijau dan isi hati yang tidak didengari oleh orang lain

Rajah 8: Makna ungkapan ‘muka sama hijau hati siapa tahu’


Tahap 2: Makna Resonans

Ungkapan ‘muka sama hijau hati siapa tahu’, sambil menutup muka dengan kain tudungnya, Tuan Khatijah berkata ‘Buruk baik, jahat macam mana pun dia tetap anak Mak Cik harap pintu taubat masih terbuka untuk dia.’

(Tuan Khatijah....semoga Azizah Bertaubat. Gaya hidup, 1997)



- Proses penghasilan topeng muka yang sama
- Menutup wajah yang sebenar
- Warna ahli syurga
- Melambangkan ketenangan



Rajah 9: Imej topeng muka dan warna hijau

Sumber Imej: Imej Google

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk memfokuskan ungkapan “muka sama hijau hati siapa tahu” yang membawa makna orang yang berpura-pura baik namun jahat sebaliknya. Pengaplikasian makna pada ungkapan ini dikaitkan dengan topeng kerana muka manusia tidak berwarna hijau melainkan seseorang itu memakai topeng. Warna hijau juga dirujuk silang daripada sudut agama Islam yang banyak membawa ke arah ketenangan dan kebaikan.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada tahap ini, makna metafora ‘muka sama hijau hati siapa tahu’ mula berkembang dan berpecah kepada dua bahagian iaitu pentafsiran makna muka sama hijau terlebih dahulu. Muka yang dimaksudkan dalam lirik lagu mantera beradu ini adalah sebuah topeng yang berselindung daripada wajah seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana, kewujudan muka yang sama seratus peratus semestinya mustahil kerana setiap individu akan ada perbezaannya termasuk kembar seiras sekalipun. Seterusnya sambungan metafora ‘muka sama hijau’ membawa makna yang sama dengan ‘talam dua muka’ seperti dalam data korpus kerana hijau merupakan warna yang melambangkan kebaikan. Dalam Islam juga ada beberapa dalil yang menyatakan bahawa ‘hijau’ merupakan warna dalam syurga. Norwardatun Mohamed Razali (2019) menjelaskan bahawa terdapat 9 ayat dalam al-Quran yang menyebut tentang warna hijau dan kesemuanya menunjukkan tafsiran yang positif seperti warna yang menggambarkan ketenangan kerana warna muka bumi selepas turunnya air hujan (Surah al-Hajj 22:63), warna pokok (Surah Yaasin 36:80), Ta’wil mimpi Nabi Yusuf (Surah Yusuf 12:43), warna pakaian ahli syurga (Surah al-Kahfi 18:31), warna tempat ahli syurga beradu (Surah ar-Rahman 55:76), warna pokok dalam syurga (Surah ar-Rahman 55:62-62) dan warna hijau berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan (Surah al-An’am 6:99).

Tambahan lagi, warna hijau melambangkan ketenangan daripada sudut psikologi manusia. Perkara ini dijelaskan oleh David Thejahanjaya dan Yusuf Hendra Yulianto (2022) yang mengkaji

warna hijau dalam sudut pandangan *colour grading* merupakan sebuah warna yang tenang, damai dan aman juga dikenali sebagai warna alam. Individu yang cenderung menyukai warna hijau lebih bersifat plegmatis iaitu seorang yang mempunyai keperibadian yang tenang, sabar dan empati terhadap sekeliling. Penerapan warna hijau dalam metafora ‘muka sama hijau hati siapa tahu’ melahirkan sudut pandangan bahawa individu tersebut hanya memakai topeng kebaikan bagi mengaburi niat yang jahat. Oleh itu, makna sebenar metafora lagu Mantera Beradu ‘muka sama hijau hati siapa tahu’ dibuktikan melalui data-data yang berkaitan ditakrifkan pada tahap semantik inkuisitif, iaitu sebuah topeng kebaikan yang dipakai untuk mengaburi kejahatan yang terpendam di dalam hati.

DATA 5: Kulit tak bersalin walau saling ganti baju

Tahap 1: Makna Harfiah


Ungkapan	Maksud
Kulit tak bersalin walau saling ganti baju	Kulit manusia yang tidak boleh disalin walaupun menukar baju

Rajah 10: Makna ungkapan ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’

Tahap 2: Makna Resonans

Ungkapan, ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’. Kenapa warna kulit mereka tidak sama dengan kulit kita? Di sini bukan negara India. Kenapa dibawa ke sini? Ganjil kau.

(MAAROF SAAD, *SURAT JINGGA*. Sastera, 1983)



- Identiti sesebuah kaum
- Asal usul manusia
- Boleh diganti
- Pelbagai warna

Identiti diri yang tidak akan hilang

Rajah 11: Imej kulit & pakaian

Sumber Imej: Imej Google

Pengaplikasian Rangka Rujuk Silang (RRS) dalam data korpus bertujuan untuk memfokuskan ungkapan “kulit tak bersalin walau saling ganti baju” membawa tafsiran identiti diri yang tidak akan hilang. Kulit tak bersalin dirujuk silang dengan warna dan sifat kulit yang tidak boleh diganti seperti baju.

Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Metafora ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’ boleh dirujuk daripada proses awal penciptaan manusia iaitu berasal daripada tanah liat. Dalam Islam, Allah menciptakan Nabi Adam daripada tanah liat yang dihembuskan nyawa ke dalamnya. Menurut Fahrudin (2021) yang mengkaji kata *Thin* dalam al’Quran berkaitan dengan bahan penciptaan manusia iaitu tanah, beliau telah mengupas beberapa ayat dalam al’Quran yang menyebut asal kejadian manusia adalah daripada tanah seperti dalam Surah as-Sajadah melalui tafsiran Nawawi al-Jawi yang menyatakan bahawa kata *bada’a* merujuk kepada penciptaan manusia daripada tanah. Konsep penciptaan manusia daripada tanah ini dilihat sebagai sesuatu yang boleh diterima akal apabila melihat warna kulit yang ada pada manusia di muka bumi ini. Jika dilihat ke hemisfera utara, warna kulit manusia lebih cerah kerana faktor suhu dan persamaan ini dapat dijumpai pada tanah liat mempunyai warna yang lebih cerah. Bagi kulit yang gelap, kebanyakan mereka tinggal di bahagian hemisfera selatan dan di garisan khatulistiwa yang mempunyai warna kulit sawa matang iaitu tidak terlalu gelap dan cerah. Warna-warna yang terdapat dalam kulit manusia juga sama dengan warna tanah yang ada di muka bumi ini.

Dalam penyelidikan Fahrudin (2021) juga menyebut tentang tanah liat yang berwarna sedikit gelap akibat terkena pancaran matahari. Kejadian ini sama dengan kulit manusia jika dijemur di bawah sinaran matahari dalam waktu yang lama, kulit akan berubah menjadi sedikit gelap atau perang. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, sinaran ultra violet (UV) berbahaya kepada kulit manusia kerana akan menyebabkan kesan terbakar, penuaan pra-matang dan kanser kulit. Persamaan ini juga berlaku kepada tanah yang terdedah dengan sinaran matahari dan kurang menyerap air yang mengakibatkannya merekah dan kering. Tanah sebegini tidak subur untuk tanaman kerana kekurangan zat seperti mineral. Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran dalam Surah Taha ayat ke-55:

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيدُكُمْ وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارَةً أُخْرَى

Maksudnya:

Dari bumilah Kami ciptakan, dan kedalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi.

Tafsiran ayat ini merujuk kembali kepada proses penciptaan Nabi Adam yang berasal daripada tanah dan akan kembali kepada tanah juga yang membawa maksud dikebumikan. Dalam Islam, jenazah akan dikebumikan dalam tanah dan jenazah manusia akan sebatu dengan tanah melalui proses penguraian yang berlaku selepas beberapa hari. Justeru itu, metafora ‘kulit tak bersalin walau saling ganti baju’ bermaksud mengekalkan identiti melalui sifat dan ciri-ciri yang ada pada kulit dan kaitannya dengan tanah.

KESIMPULAN

Pengkaji dapat merumuskan bahawa metafora Melayu ini sangat unik dan menarik untuk dikaji kerana dapat meneroka akal budi dan falsafah yang terkandung di dalamnya. Melalui metafora, pengkaji dapat melihat ilmu yang ada pada Malique Ibrahim semasa menulis lirik lagu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, hampir semua lirik dalam lagu tersebut mempunyai metafora daripada akal budi dan falsafah masyarakat lain bukan sahaja di Malaysia bahkan hingga ke seluruh dunia. Penerapan metafora ini juga dapat menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu kekal relevan untuk diguna pakai bukan hanya dalam perbualan akademik mahupun rasmi tetapi di dalam semua industri yang ada di Malaysia. Justeru itu, penulisan lirik lagu seperti ini perlu dikekalkan bagi menambah pengetahuan dan minat anak-anak generasi masa kini untuk mengkaji, menghayati dan seterusnya mengamalkan pengajaran yang ada di dalamnya. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan agar generasi akan datang dapat menerokai dan mendalami metafora Melayu ini.

RUJUKAN

- Ahmad, H. (2003). *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Akademi Kajian Ketamadunan/Academy for Civilisational Studies.
- Al-Fin, M., & Jalaluddin, N. H. (2022). Fenomena Alam dalam Pantun Melayu. *Melayu : Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 161–176. [https://doi.org/10.37052/jm.15\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jm.15(2)no1)
- Amran, E. a. S., & Nopiah, J. (2021). Leksikal ‘ayam’ dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Uiam*. <http://irep.iium.edu.my/85388/>
- Bistari, A. D., Hermendra, H., & Septyanti, E. (2024). Metafora Tangan dalam Ungkapan: Analisis Semantik Kognitif. *JIIP (Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan)*, 7(3), 2776–2780. <https://doi.org/10.54371/jiip.v7i3.4089>
- Carian umum*. (n.d.). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=bahasa>
- Carp and Goldfish as Auspicious Symbols and their Representation in Chinese Popular Prints on JSTOR. (n.d.). www.jstor.org. <https://www.jstor.org/stable/44656691>
- Che Man, M. A. F., & Jalaluddin, N. H. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*. Vol. 26 (1) Mei 2022 (058-074).
- Dottie. (2021, May 20). *Awat! Sinaran Matahari - Portal MyHEALTH*. Portal MyHEALTH. <http://www.myhealth.gov.my/awat-sinaran-matahari/>

- Fahrudin, F. (2021). Tanah sebagai Bahan Penciptaan Manusia: Analisis Semiologi Roland Barthes pada Kata Thin dalam Al-Qur'an. *Tafse/TAFSE*, 6(1), 21. <https://doi.org/10.22373/tafse.v6i1.8036>
- Hakim, F. (2015). AWAN. *www.academia.edu*. <https://www.academia.edu/17493723/AWAN>
- Hutagalung, N., & Ritonga, M. U. (2023, June 16). Analisis Metafora pada Lirik “Senandung Malam Berinai” Tradisi Suku Melayu Percut Sei Tuan. <https://publisherqu.com/index.php/pediaqu/article/view/381>
- Ilmu, P. (n.d.). *Pemikiran dalam Lirik Lagu*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/414425097/Pemikiran-Dalam-Lirik-Lagu>
- Israël, D., & Cresswell, M. J. (1987). M. J. Cresswell Structured meanings: The Semantics of Propositional Attitudes. Bradford Books. The MIT Press, Cambridge, Mass., and London, 1985, x + 202 pp. *The Journal of Symbolic Logic*, 52(3), 878–882. <https://doi.org/10.2307/2274378>
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*.
Kamus Dewan: edisi keempat. (2007).
- Kassim, H. (2020). Makna Perlambangan dalam Lagu Cindai: Satu Analisis Teori relevans. *Uiam*.
- Lateh, M. F. A. (2019, October 14). Mudahnya cari duit. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/10/506803/mudahnya-cari-duit>
- Namira, N. S., & Sitepu, N. T. (2022). Analisis Ungkapan Gaya Bahasa Metafora dalam Lirik Lagu pada Album Inti Bumi Karya Rasukma. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*, 1(2), 97–110. <https://doi.org/10.55606/jurribah.v1i2.396>
- Nasuruddin, M. G. (2003). *Muzik tradisional Malaysia*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nazir, F., Rosli, N. J., & Nahar, N. (2020). Kaedah penyelidikan Bahasa Melayu. <http://irep.iium.edu.my/82577/>
- (PDF) Lagu-lagu Melayu sebagai Komunikasi Lisan. (2024, January 11). ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/257221707_LAGU-LAGU_MELAYU_SEBAGAI_KOMUNIKASI_LISAN
- Rahman, N. H. A., & Basir, S. M. (2020). Sejarah Kewujudan Golongan Kanak-Kanak Jalanan dan Definisi dalam Konteks Perundangan Malaysia. *Kanun/Kanun : Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 32(1), 145–164. [https://doi.org/10.37052/kanun.32\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.32(1)no7)
- Roslan, A. A., Taharuddin, N. S., & Nazrin, N. (2022). The Psychology of grey in painting backgrounds. *Idealogy*, 7(2), 1–7. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v7i2.358>

- Safitri, A., Hermendra, H., & Sinaga, M. (2020). Metafora Kata Buah dalam Bahasa Melayu Dialek Mempura Kabupaten Siak: Kajian Semantik Kognitif. *Madah: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 11(2), 161–172. <https://doi.org/10.31503/madah.v11i2.219>
- Salsabila, D. (2023). Metafora Lirik Lagu Banda Neira “Sampai Jadi Debu”: Kajian semantik Kognitif. *jptam.org*. <https://doi.org/10.31004/jptam.v7i3.11844>
- Shafary, N. (2023). Analisis Makna Metafora pada Lirik Lagu Nadin Amizah “Sorak Sorai”. *Zenodo (CERN European Organization for Nuclear Research)*. <https://doi.org/10.5281/zenodo.8260081>
- Tafsir Surah Al-Ahqaf - 24 - Quran.com*. (n.d.). Quran.com. <https://quran.com/ms/46:24/tafsirs/en-tafsir-ibn-kathir>
- Thejahanjaya, D., & Yullianto, Y. H. (2022). *Penerapan psikologi warna dalam colour grading untuk menyampaikan tujuan dibalik foto*. Petra Christian University.
- View of Gambaran Kemewahan Melalui Perlambangan dalam Lirik Lagu Hokkien “Ji Pa Ban”*: Analisis semantik inkuisitif. (n.d.). <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/3615/2442>
- View of Metafora dalam Lirik Lagu Album Berhati karya Sal Priadi*. (n.d.). <https://pbsi-upr.id/index.php/atmosfer/article/view/146/112>
- View of Warna Hijau Menurut Perspektif Al-Quran: Satu Analisis Awal*. (n.d.). <https://jmqqs.usim.edu.my/index.php/jmqqs/article/view/143/124>
- Wan Mohd Muzani, A., & Rosly, N. J. (2021). Bahasa Kiasan dalam Lirik Lagu Nyanyian Dato’ Sri Siti Nurhaliza: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Wong, S. H., & Jalaluddin, N. H. (2019). Figurative language in “Mati Hidup Semula” song: A Semantic Inquisitive Analysis. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258. [https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no3)
- Wong, S. H., & Jalaluddin, N. H. (2019). Figurative language in “Mati Hidup Semula” song: A Semantic Inquisitive Analysis. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231–258. [https://doi.org/10.37052/jb.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no3)
- Zakaria, N., Abdullah, A., Zakaria, S. Z. S., Mutalib, M. H. A., Lambri, A., Jamaldin, S. S., Sulaiman, M., & Derak, R. (2017). Akal Budi Dan Cerminan Jati Diri Melayu Dalam Pantun: Akal Budi and Reflection of Malay Identity in Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 89–97.